

EYE GLO REGULAR EYE DROPS

Boric acid (1.0% w/v) and Borax (0.25% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Eye Glo Regular Eye Drops
2. Bagaimana Eye Glo Regular Eye Drops berfungsi
3. Sebelum menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops
4. Cara menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops
5. Semasa menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Eye Glo Regular Eye Drops
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Eye Glo Regular Eye Drops

Digunakan untuk melegakan kerengsaan mata yang tidak keterlaluan seperti kegatalan dan kepedihan mata akibat terdedah kepada faktor persekitaran luar yang boleh mengancam mata seperti cahaya terik matahari, debu, asap dan pencemaran udara yang lain.

Bagaimana Eye Glo Regular Eye Drops berfungsi

Asid Borik mempunyai sifat bakterostatik yang lemah dan sifat fungistatik.

Asid Boric digunakan bersama Natrium Borat dan bertindak sebagai penampakan dan antimikrobial di dalam titis mata.

Sebelum menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Eye Glo Regular Eye Drops jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

- Sebelum menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu

- Menggunakan ubat mata lain
- Memakai kanta lekak

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops

- Berapa banyak harus digunakan

Titis 2-3 titik pada mata yang berjangkit, 3-4 kali sehari atau sehingga perlu.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

- Jika terlupa menggunakan

Guna secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Ambil dos seterusnya mengikut masa yang ditetapkan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Cuci mata anda atau dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terambil secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Eye Glo Regular Eye Drops

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat
- Tanggalkan kanta lekak sebelum menggunakan ubat ini
- Tutup penutup botol dengan segera selepas setiap penggunaan
- Amalkan penggunaan ubat pada waktu yang sama setiap hari

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Ubat ini tidak boleh dimakan
- Jangan guna kanta lekak sebaik sahaja menggunakan ubat ini. Kanta lekak boleh digunakan sekurang-kurangnya 15 minit kemudian
- Jangan guna jika ubat berubah menjadi keruh
- Jangan sentuh muncung bekas pada sebarang permukaan untuk mengelakkan pencemaran
- Tidak disyorkan untuk penggunaan dengan kanta lembut
- Jangan gunakan ubat ini selepas 4 minggu dibuka.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- alah terhadap bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini
- hamil atau menyusukan anak
- Mengalami perubahan pada penglihatan
- Rasa tidak selesa selepas menggunakan ubat ini atau keadaan bertambah teruk
- Mengalami sebarang jangkitan.

Kesan-kesan sampingan

Mungkin menyebabkan pedih sementara yang ringan atau penglihatan kabur buat sementara waktu. Jika anda mengalami sakit mata yang teruk, perubahan dalam penglihatan, kemerahan atau kegatalan mata yang berterusan, atau jika gejala menjadi lebih teruk atau berpanjangan, hentikan penggunaan dan dapatkan nasihat daripada pengamal perubatan anda.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Eye Glo Regular Eye Drops

- Penyimpanan

Simpan di tempat kering di bawah 30°C.

Jangan guna selepas 4 minggu dibuka.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dibuang melalui air sisa atau sampah domestik.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan yang jernih, tidak berwarna.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Boric Acid, Borax

Bahan tidak aktif:

*Benzalkonium Chloride solution 50%,
Water for Injection*

- Nombor MAL

MAL XXXXXXXXX

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN BHD

Lot 2599 Jalan Seruling 59 Kaw 3,

Taman Klang Jaya,

41200 Klang, Selangor, MALAYSIA

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN BHD

Lot 2599 Jalan Seruling 59 Kaw 3,

Taman Klang Jaya,

41200 Klang, Selangor, MALAYSIA

Tarikh kemaskini RIMUP

11/09/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/135